

SOALAN NO: 67

Bagi meningkatkan kemudahan Internet di negeri Sabah, Kerajaan melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah melaksanakan pelbagai inisiatif baharu seperti berikut :

- (i) Membina baharu menara komunikasi iaitu di samping 212 buah menara komunikasi yang telah siap dan telah beroperasi, terdapat 79 buah menara yang masih dalam peringkat pelaksanaan di negeri Sabah;
- (ii) Peluasan liputan jalur lebar berkelajuan tinggi melalui projek Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi fasa 2 (*High Speed Broadband-HSBB2*) dan projek Jalur Lebar Pinggir Bandar (*Sub-urban Broadband – SUBB*). Melalui kedua-dua projek ini, sebanyak 31 ibu sawat akan dinaik taraf untuk penyediaan 60,000 sambungan port;
- (iii) Pembinaan sistem kabel dasar laut yang menghubungkan Sabah dan Semenanjung Malaysia yang dijangka siap sepenuhnya pada penghujung tahun 2017; dan
- (iv) Melaksanakan projek Menaik taraf Liputan Jalur Lebar Mudah Alih 3G di bawah program Peluasan Liputan Perkhidmatan Selular yang melibatkan sebanyak 447 lokasi di negeri Sabah.